



SIARAN AKHBAR
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. Dengan hormat dan sukacita Jabatan ingin merujuk Siaran Akhbar Jabatan ini bilangan 2/2021- COVID19 yang bertarikh 03 Muharram 1443 bersamaan 12 Ogos 2021 mengenai operasi kaunter-kaunter perkhidmatan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
2. Dimaklumkan kepada orang ramai bahawa pengemaskinian terkini perkhidmatan kaunter bagi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - 2.1 Mulai **Hari Rabu, 29 September 2021**, proses permohonan pembatalan pas kerja warganegara asing yang akan berlepas keluar dari Negara Brunei Darussalam **TIDAK AKAN DILAKSANAKAN** di mana-mana Pos Kawalan Imigresen.
 - 2.2 Proses permohonan pembatalan pas kerja warganegara asing yang akan berlepas keluar dari Negara Brunei Darussalam pada Hari Rabu, 29 September 2021 dan seterusnya perlu dipohonkan di tempat-tempat seperti berikut:
 - Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
 - Pejabat Imigresen, Cawangan Kuala Belait
 - 2.3 Permohonan pembatalan di tempat- tempat berkenaan dilaksanakan mengikut kaedah dan jam operasi berikut:

| TEMPAT | KAEDAH | JAM OPERASI |
|--|---|-----------------------------|
| Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan | <i>Walk-in</i> | 08:15 – 11:00 pagi |
| Pejabat Imigresen, Cawangan Kuala Belait | Tempahan slot temujanji melalui emel: kb_imm_services@immigration.gov.bn | Isnin – Khamis dan Sabtu |

2.4 Pemohon-pemohon adalah dinasihatkan untuk menghadapi permohonan pembatalan pas kerja sekurang-kurangnya **empat (04) hari** sebelum jadual tarikh penerbangan berlepas keluar dari Negara Brunei Darussalam.

2.5 Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi proses pembatalan adalah:

- Surat Permohonan dari Majikan
- Borang Pembatalan (2 keping)
- Salinan Tiket Penerbangan
- Salinan Lesen Pekerja Asing (bagi Syarikat)

3. Manakala itu, **kaunter-kaunter perkhidmatan yang lainnya** sepertimana juga yang dinyatakan di dalam Siaran Akhbar Jabatan ini bilangan 2/2021-COVID19 bertarikh 03 Muharram 1443 bersamaan 12 Ogos 2021 adalah **masih ditutup sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian** kecuali bagi Pejabat Cawangan Tutong dan Pejabat Cawangan Temburong.

4. Sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan melalui kaedah berikut:

4.1 Talian *hotline* melalui WhatsApp kepada **+6737299550** atau;

4.2 Emel Jabatan kepada **info@immigration.gov.bn** atau;

4.3 Melayari laman sesawang **www.immigration.gov.bn**

5. Kerjasama dan perhatian orang ramai adalah sangat-sangat diharapkan. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Sekian disampaikan.

**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Ahad, 19 Safar 1443H bersamaan 26 September 2021M
Rujukan: 3/2021- COV19**